



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 69
Bil. 21

21hb Oktober 2016

TAMBAHAN
No. 4

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 3106.

PERWAKILAN KUASA DIBAWAH SEKSYEN 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 13 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak berkuasa Negeri mewakilkan kuasa kepada orang yang diawakilkan kuasa dan tugas sebagaimana yang diperihalkan dalam ruang
(1) Jadual bagi menjalankan perkara-perkara yang dinyatakan dalam ruang
(2) Jadual untuk meluluskan permohonan seperti yang berikut:

JADUAL

Bil	(1) Orang yang Diwakilkan Kuasa Dan Tugas	(2) Perkara
1.	Pentadbir Tanah	Meluluskan permohonan pengurangan denda lewat tunggakan cukai tanah sehingga maksimum 30% atau RM1,500.00 mana yang terendah daripada jumlah denda lewat bagi tanah-tanah di bawah Hakmilik Pejabat Tanah dan Hakmilik Pendaftar.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2984

[21hb Okt. 2016]

Bil	(1) Orang yang Diwakilkan Kuasa Dan Tugas	(2) Perkara
2.	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	Meluluskan permohonan pengurangan denda lewat tunggakan cukai tanah sehingga maksimum 50% atau RM2,500.00 mana yang terendah daripada jumlah denda lewat bagi tanah-tanah di bawah Hakmilik Pejabat Tanah dan Hakmilik Pendaftar

2. Perwakilan kuasa ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyiarannya dalam *Warta*.

Bertarikh 6 Oktober 2016

[PTG.Pk. 287(A); PTG.Pk. 700-6/1 JLD. 2(L);
PU.Pk. 67/71-20 Jld. 2]

SHahrul Azam bin Shaari
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 13

In exercise of the powers conferred by section 13 of the National Land Code [*Act 56 of 1956*], the State Authority delegates to the persons delegated with powers and duties as described in column (1) of the Schedule to exercise matters as described in column (2) of the Schedule to approve application in the following manner:

SCHEDULE

No.	(1) Person Delegated with Power and Duties	(2) Matter
1.	Land Administrator	To approve application for remission of fine for late payment of quit rent arrears up to a maximum of 30% or RM1,500.00 whichever is lower from the amount of fine for the lands under the Land Office Title and the Registry Title.
2.	Director of Lands and Mines	To approve application for remission of fine for late payment of quit rent arrears up to a maximum of 50% or RM2,500.00 whichever is lower from the amount of fine for the lands under the Land Office Title and the Registry Title.

2. This delegation of powers comes into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

Dated 6 October 2016
 [PTG.Pk. 287(A); PTG.Pk. 700-6/1 JLD. 2(L);
 PU.Pk. 67/71-20 Jld. 2]

SHahrul Azam bin Shaari
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 3107.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Azrul Sani bin Ibrahim, Penolong Pentadbir Tanah Muallim, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 8 November 2016 pada 10.00 pagi di Pejabat Tanah Muallim.
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM240,000.00. (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Empat Puluh Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM366,004.81 Bank Pertanian Malaysia Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM24,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Empat Ribu sahaja).
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuahkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuahkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2986

[21hb Okt. 2016]

-
-
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 8 Mac 2017 dan bahawa hendaklah tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Hulu Bernam Timur. No. P.T.—596. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 21 (H.S.(M) 486 yang dahulu). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers.: 205/2014 bertarikh 26 Mac 2014 Masa 12.35 petang.

Bertarikh 13 Oktober 2016
[PPTMU. Tanah(T) 200-9/2-1]

AZRUL SANI BIN IBRAHIM
b.p. Pentadbir Tanah
Muallim

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA